

Jangan libat urusan niaga hingga abaikan hak pekerja — PM

U.M. 24 OCT 1992

KUALA LUMPUR 23 Okt. — Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja diingatkan supaya jangan terlalu melibatkan diri dalam urusan perniagaan sehingga mengabaikan hak-hak pekerja yang diwakili oleh mereka.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebagai pemimpin kesatuan, mereka perlulah mengutamakan kepentingan pekerja lebih daripada kepentingan peribadi.

"Mereka perlulah memberi perhatian kepada para pekerja bukannya cenderung untuk bergiat dalam perniagaan atau politik," katanya kepada para pemberita setibanya dari Kelantan di Stesen Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi, di sini, petang ini.

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas rancangan Bank Buruh untuk melong bangunan Kesatuan Pekerja-Pekerja Pengangkutan (TWU) di Petaling Jaya dan bangunan Institut Teknologi Pekerja di Pandamaran, Klang

bagi menyelesaikan hutang kesatuan itu berjumlah \$13 juta.

Sebelum ini, Presiden TWU, Zainal Rampak memberitahu, pihaknya telah menubuhkan sebuah syarikat pemegang untuk mengatasi masalah hutang kesatuan itu.

Menurut beliau, 53 peratus daripada saham syarikat itu akan dimiliki oleh TWU manakala, yang lainnya ditawarkan kepada syarikat-syarikat lain.

Mdminjam

Masalah hutang yang dialami oleh TWU bermula pada 1975 apabila ia meminjam \$1 juta dari Bank Buruh. Dua tahun selepas itu, kesatuan tersebut meminjam tambahan \$5 juta untuk membayar baki pinjaman asal dan menubuhkan Institut Teknologi Pekerja.

Perdana Menteri seterusnya berkata, dalam usaha menyelesaikan masalah pekerja, adakalanya kerajaan terpaksa berunding terus dengan pihak pekerja dan bukan dengan pemimpin kesatuan yang mewakili mereka.

"Para pekerja kadang-kadang lebih bertolak ansur daripada pemimpin-pemimpin kesatuan itu sendiri," katanya.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir menegaskan, beliau bukannya menentang kenaikan gaji para pekerja kilang tetapi kenaikan gaji itu haruslah sealiran dengan peningkatan produktiviti.

Katanya, kerajaan amat memberi perhatian kepada masalah yang dihadapi oleh para pekerja dan pada masa yang sama, mereka janganlah mudah terdedah kepada hasutan pihak tertentu untuk menuntut kenaikan gaji yang terlalu tinggi.

Mengenai tindakan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) yang mengambil masa lima jam sebelum menerima pelan kecemasan TUDM semasa berlaku kebakaran di Terminal Satu, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Khamis lalu, Dr. Mahathir berkata, beliau masih belum dimaklumkan mengenai perkara itu.